

NAMA PENUH :

KELAS :

Bahagian A

- 1 Apakah maksud tamadun secara umum? **TP1**
 - A Suatu kemajuan dalam kehidupan bermasyarakat
 - B Suatu tahap pembangunan yang merangkumi kepercayaan dan pengetahuan
 - C Suatu pencapaian tertinggi oleh sesuatu masyarakat dalam pelbagai bidang
 - D Suatu peradaban yang merujuk kepada pencapaian kemajuan masyarakat
- 2 Antara berikut, yang manakah maksud tamadun dalam bahasa Melayu? **TP1**
 - A Tahap pembangunan manusia dan organisasi yang dianggap paling maju
 - B Tahap kemajuan yang menunjukkan ketinggian budi bahasa dan pembukaan bandar
 - C Tahap kemajuan dalam kehidupan masyarakat dicapai dalam bidang kebudayaan, sains, industri dan sistem kerajaan
 - D Suatu peradaban yang merujuk kepada pencapaian kemajuan masyarakat dari segi kebendaan serta perkembangan pemikiran
- 3 Mengapakah tamadun penting? **TP2**
 - A Membina budi bahasa dan budi pekerti dalam sesebuah sistem masyarakat
 - B Membina pencapaian tertinggi dalam sesuatu masyarakat dalam pelbagai bidang
 - C Membina kemajuan dan kemodenan kehidupan manusia yang teratur dalam sesebuah sistem masyarakat
 - D Membina kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan kebolehan manusia atau organisasi dalam sesebuah sistem masyarakat
- 4 Apakah yang menggalakkan kegiatan pertanian bagi masyarakat tamadun awal? **TP2**
 - I Pembinaan saliran
 - II Penciptaan kincir angin
 - III Penghasilan beras
 - IV Kerjasama antara penduduk
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 5 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan madaniyyah? **TP2**
 - A Aspek ketuhanan dalam kehidupan
 - B Aspek kebendaan dalam kehidupan
 - C Aspek pendidikan dalam kehidupan
 - D Aspek kepercayaan dalam kehidupan
- 6 Apakah yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun dalam buku *Muqaddimah*? **TP2**
 - I Umran
 - II Mudun
 - III Madana
 - IV Hadharah
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 7 Dialog di bawah berkaitan dengan tokoh tamadun awal.

Beliau berpendapat tamadun ialah keadaan kehidupan insan bermasyarakat yang telah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat.



Beliau juga telah menulis pelbagai buku dalam bidang pemikiran dan peradaban.

Antara berikut, manakah tokoh yang dimaksudkan dalam dialog di atas? **TP2**

 - A Ibn Sina
 - B Al-Farabi
 - C Ibn Khaldun
 - D Syed Muhammad Naquib al-Attas
- 8 Apakah yang dikaitkan dengan tamadun oleh masyarakat Barat? **TP2**
 - A Pembangunan insan
 - B Pembangunan moral
 - C Pembangunan lahiriah
 - D Pembangunan teknologi

9 Bagaimanakah bandar terbentuk? **TP2**

- A Pertambahan penduduk
- B Perkembangan teknologi
- C Pertambahan bidang pekerjaan
- D Perkembangan bidang pertanian

10 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri bandar?

I Susun atur bangunan dan petempatan yang tersusun **TP2**

- II Kemudahan prasarana yang teratur
- III Menjadi pusat kegiatan politik
- IV Menjadi institusi sosial dan ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Mengapakah manusia membina petempatan kekal?

- A Pertambahan penduduk **TP2**
- B Perkembangan teknologi
- C Pertambahan bidang pekerjaan
- D Perkembangan bidang pertanian

12 Gambar 1 menunjukkan sebuah roda yang dicipta pada zaman tamadun awal dunia.



Gambar 1

Apakah fungsi roda tersebut? **TP2**

- I Membantu penggunaan kereta sorong
- II Membantu penggunaan kereta kuda
- III Membantu penggunaan kereta lembu
- IV Membantu penggunaan pembajak tanah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Apakah golongan kedua masyarakat Mesir Purba?

- I Golongan artisan **TP2**
- II Golongan agama
- III Golongan petani
- IV Golongan saudagar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Mengapakah tempat ibadat dibina dengan besar oleh masyarakat tamadun awal? **TP2**

- A Tanda menghormati tuhan
- B Memberi keselesaan dan keamanan
- C Memupuk semangat cinta akan tuhan
- D Memuatkan ahli masyarakat yang ramai

15 Apakah upacara keagamaan yang diurus oleh institusi agama pada zaman tamadun awal?

- I Korban binatang **TP3**
- II Membina tempat ibadat
- III Mempengaruhi masyarakat supaya mempercayai kehidupan selepas mati
- IV Mempersembahkan makanan kepada kuasa roh

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Maklumat di bawah berkaitan dengan sistem tulisan pada zaman tamadun awal. **TP3**

Penciptaan tulisan penting bagi membezakan sesuatu.

Apakah kepentingan tersebut?

- A Membezakan sesuatu dokumen
- B Membezakan hak milik seseorang
- C Membezakan rekod Zaman Prasejarah
- D Membezakan kehidupan Zaman Prasejarah dan sejarah

17 Dialog di bawah berkaitan dengan kesenian dan kesusasteraan tamadun awal dunia.

Gaya dan teknik yang digunakan oleh artis menggambarkan setiap budaya dan tamadun masing-masing.



Pelbagai hasil seni yang dicipta oleh artis pada zaman tamadun awal.

Apakah yang dicipta oleh artis tersebut? **TP3**

- A Patung dan lukisan haiwan
- B Patung dan lukisan manusia
- C Patung dan lukisan alam semesta
- D Patung dan lukisan tuhan serta dewa